

## PEMUPUKAN PATRIOTISME DALAM PENDIDIKAN SEJARAH TINGKATAN SATU

Haminah Binti Suhaibo  
Jabatan Kajian Sosial

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan meninjau peranan pendidikan Sejarah dalam memupuk semangat patriotisme bagi Tingkatan Satu yang menggunakan kurikulum baru yang telah disemak semula. Dapatan dari 287 soal selidik, temu bual dan pemerhatian ke atas 10 orang guru, dan analisis dokumen menunjukkan pemahaman konsep patriotisme amat penting kepada mereka bagi membolehkan pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan responden kurang mampu memilih objektif patriotisme yang sesuai dengan tajuk yang diajar serta menggunakan kaedah yang bersesuaian semasa merancang pengajaran. Dari aspek pelaksanaan pula, hanya objektif yang dipilih dari Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) sahaja dipupuk. Kaedah penerangan guru dan soal jawab menjadi begitu dominan dalam pengajaran dan ICT kurang digunakan bagi memupuk patriotisme. Kursus anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum dan latihan dalaman di sekolah juga menunjukkan tidak ada perbezaan dalam kaedah pengajaran yang digunakan oleh mereka yang pernah menghadiri kursus dan yang tidak pernah menghadiri kursus. Dapatan juga menunjukkan minat dan semangat guru terhadap pengajaran mata pelajaran Sejarah banyak menyokong usaha pemupukan patriotisme.*

**Kata Kunci:** *patriotisme, pemupukan patriotisme, Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu*

## ABSTRACT

*This study examined the role of History Education in inculcating the spirit of patriotism among Form One students who are currently taught using the revised history curriculum. Findings from questionnaires administered to 287 teachers, interviews and classroom observations involving 10 teachers, and document analysis showed that respondents agreed that the patriotism concept is very important. Respondents lacked knowledge of choosing the correct objective of patriotism, teaching methods and aids. From the implementation aspect, the study revealed that most of the respondents were dependent on the objectives provided in the Syllabus. The method of questioning and answering was widely used and respondents were dependent on textbooks. None of the respondent used ICT in the process of teaching and learning. There was no difference in the teaching methods of those who had attended and those who had not attended the courses provided by Curriculum Development Centre. The teachers' interest in teaching History helped them in inculcating the spirit of patriotism.*

**Keywords:** *patriotism, inculcating patriotism, Form One History*

## PENDAHULUAN

Pendidikan sering kali dianggap sebagai teras utama ke arah perpaduan nasional dan pemupukan kesetiaan dalam kalangan rakyatnya (Lee, Molly, 2002: hlm. 63; Chai Hon Chai, 1977). Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi anjakan kepada sistem pendidikan yang lebih tertumpu kepada melahirkan warganegara yang lebih patriotik, toleransi dan cintakan negara bertunjangkan Rukunegara. Kurikulum yang dirangka bertujuan menanamkan kesedaran individu, ciri-ciri dan nilai rakyat Malaysia yang berfikiran terbuka di samping menolak sentimen perkauman, warisan dan perbezaan yang sempit antara mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Tumpuan kemudiannya adalah kepada melahirkan negara bangsa yang bersatu padu dan pengukuhan kesetiaan dan patriotisme dalam kalangan generasi muda, khususnya pelajar sekolah.

Pendidikan sejarah telah dijadikan wahana utama dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk mencapai matlamat di atas. Awang Had Salleh (1983) menyifatkan apa yang hendak dicapai oleh pendidikan dalam hubungannya dengan nasionalisme ialah dengan menyemaikan rasa patriotisme ke dalam jiwa pelajar, iaitu rasa kesediaan dan kerelaan berkorban nyawa untuk

mempertahankan negara. Kedua, menanam ke dalam jiwa pelajar penghayatan terhadap cita-cita unggul negara seperti yang terdapat pada Rukunegara. Ketiga, membimbing pelajar supaya menghayati pusaka tradisi negara ini serta membina penghayatan terhadap lambang-lambang, perlembagaan dan negara serta negeri di Malaysia, dan memupuk rasa hormat kepada bahasa negara, iaitu bahasa Melayu, agama rasmi, iaitu agama Islam dan bendera negara. Semua usaha ini menjurus ke arah penjelmaan gagasan patriotisme dan pembinaan bangsa yang mendasari wawasan negara.

### **Pernyataan Masalah**

Cabaran pertama yang digariskan dalam gagasan negara adalah ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang mempunyai matlamat yang sama. Ia perlu menjadi *bangsa yang aman dengan integrasi wilayah dan etnik, hidup dalam harmoni, adil, saksama ke arah bangsa Malaysia yang taat dan setia kepada negara* (Biro Tatanegara: 1991. para 11). Masyarakat yang bersatu padu, berintegrasi, mengamalkan toleransi serta beridentiti nasional menjadi tonggak utama Dasar Wawasan Negara bagi membina bangsa Malaysia yang progresif dan makmur serta hidup dalam harmoni (Malaysia, 2001).

Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik (2002) menyifatkan usaha ini merupakan cabaran sengit yang dihadapi oleh kerajaan. Amat sukar untuk membentuk satu entiti Malaysia kerana terdapat pelbagai persepsi dalam kalangan pelbagai kaum yang ada di Malaysia. Dapatan kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (1989) menunjukkan identiti nasional masih kurang berjaya dicapai walau pun telah membuat pelbagai reformasi pendidikan. Kajian tentang perpaduan yang dilakukan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1995) di enam buah sekolah mendapati amalan dan pengembangan semangat perpaduan dalam kalangan guru dan murid masih rendah dan konsep patriotisme juga masih di tahap yang amat rendah.

Patriotisme sering kali diajar secara implisit dan terpisah di sekolah (Davies, 1995; Tan, 1998). Putman (1998) memperlihatkan guru Sejarah percaya isu-isu berhubung patriotisme memainkan peranan yang penting dalam pendidikan Sejarah Amerika walaupun kebanyakan mereka tidak mempunyai kemahiran untuk mengaplikasikan patriotisme dalam pengajaran. Malahan kebanyakan mereka tidak pasti apakah peranan yang patut mereka mainkan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Anuar (2001), yang membuat kajian pelaksanaan patriotisme dalam kalangan guru Sejarah di beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan mendapati 76% guru tidak bersedia untuk melakukan penerapan unsur patriotisme semasa pengajaran walaupun menyedari kepentingannya. Mereka lebih suka memilih nilai-nilai murni yang lain berbanding unsur patriotisme kerana dikatakan senang untuk diaplikasikan.

Oleh itu kajian tentang patriotisme dirasakan perlu khususnya melalui pendidikan Sejarah sebab pendidikan Sejarah dianggap elemen utama dalam membina warganegara yang bersatu padu dan cintakan negara. Pembinaan bangsa dan negara hanya boleh dicapai jika pengetahuan tentang negara ditanam di jiwa pelajar (Zainal Abidin Wahid, 1998).

### **Soalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

1. Apakah pemahaman guru tentang nilai patriotisme dan pemupukan patriotisme?
2. Apakah amalan guru Sejarah dalam pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah?
3. Apakah faktor-faktor yang menyokong dan menghalang guru dalam pelaksanaan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran?

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini bersifat tinjauan dan deskriptif bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan idea (Sekaran, 2000) dengan menggunakan model *mixed methodology design* (Creswell, 1994). Empat cara pengumpulan data digunakan iaitu soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 287 orang guru Sejarah Tingkatan Satu menjawab soalan soal selidik. Daripada jumlah tersebut, 10 orang telah ditemu bual dan 9 orang telah dibuat pemerhatian pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian dibuat sebanyak 4 kali setiap guru yang mengajar dua tema dari HSP.

### **Sampel Kajian**

Persampelan secara '*purposive*' digunakan untuk memilih responden bagi kajian ini. Disebabkan objektif kajian ialah untuk mendapatkan pandangan guru Sejarah tentang pemupukan patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu, maka sasaran kajian ialah guru Pendidikan Sejarah yang mengajar Tingkatan Satu. Kaedah '*stratified sampling*' digunakan untuk memilih lokasi bagi kajian ini kerana masalah masa dan jarak.

### **Instrumen Kajian**

Soal selidik digunakan sebagai asas pengutipan data. Ia digunakan untuk mendapat gambaran umum responden berhubung pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Dua set soal selidik telah dibentuk bagi memastikan ketepatan dan penjelasan pernyataan yang dikemukakan.

Data dari soal selidik diperhalusi dengan kaedah temu bual di mana temu bual digunakan untuk mendapatkan data deskriptif dari responden agar apa yang difahami, difikirkan dan dirasakan oleh responden dapat

dikembangkan. Seramai 10 orang guru yang telah menjawab soal selidik ditemu bual secara berstruktur. Pembinaan item-item dalam temu bual adalah berdasarkan dapatan daripada soal selidik. Hasil temu bual diperkukuhkan lagi dengan pemerhatian terhadap pengajaran guru yang telah ditemu bual untuk melihat proses pemupukan patriotisme semasa pengajaran dan pembelajaran sama ada yang tersurat atau yang tersirat. Ia juga sebagai satu cara untuk membuat triangulasi dapatan sedia ada seperti dengan dapatan temu bual dan analisis dokumen. Kesemua responden yang ditemu bual terlibat dengan pemerhatian dalam bilik kelas.

Untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian, dokumen seperti SP dan HSP Sejarah Menengah Rendah (KPM: 2003), buku teks Sejarah Tingkatan 1 (DBP, 2003), Buku Panduan Guru Tingkatan Satu (DBP, 2003), buku persediaan mengajar dan tahunan dianalisis untuk melihat pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **Analisis Data**

Data kuantitatif diperolehi dari soal selidik dan bahan dokumen. Statistik peratusan digunakan bagi menjawab persoalan kajian berdasarkan soal selidik yang digunakan. Huraian bersifat deskriptif digunakan untuk menghuraikan hasil temu bual yang telah dilakukan. Analisis data pemerhatian juga dibuat secara manual. Analisis kekerapan dan huraian secara deskriptif digunakan untuk memberi gambaran tentang pelaksanaan unsur patriotisme dalam bilik darjah

## **DAPATAN KAJIAN**

### **1. Apakah pemahaman guru tentang nilai patriotisme dan pemupukan patriotisme?**

#### **Pemahaman Konsep Patriotisme**

Dapatan soal selidik menunjukkan responden tidak mempunyai masalah untuk memahami konsep patriotisme. Jadual 1 menunjukkan 71.4% responden tidak mempunyai masalah memahami konsep patriotisme.

Jadual 1

#### **Pemahaman Konsep Patriotisme**

Item	Bermasalah	Kurang bermasalah	Tidak bermasalah	Jumlah
Pemahaman konsep patriotisme	7.7%	7.0%	71.4%	100%
Jumlah	22	20	240	287

Dapatan temu bual seterusnya menjelaskan pengertian konsep patriotisme dalam kalangan responden. Setia kepada negara dianggap sebagai satu ciri utama patriotisme. Perasaan cinta itu dilihat dalam konteks yang agak sempit iaitu dalam lingkungan cinta kepada diri, keluarga dan masyarakat. Sejarah diri dan keluarga perlu difahami agar pelajar lebih mencintai diri mereka sendiri dan keluarga sebelum mereka dapat berhubung dengan pihak luar seperti masyarakat dan seterusnya negara.

“Cinta kepada diri sendiri, keluarga, agama, negara itu secara automatik terus berkembang....bercambah menjadi semangat yang begitu subur dalam negara. Patriotisme tidak sepatutnya hanya bermula di sekolah. Sebenarnya dari keluarga sendiri. Kita tidak kkuatir generasi kita menghadapi kemungkinan serangan dari luar dan lebih jelas dalam konteks patriotisme kita tidak kaku, tidak melarikan diri malah sanggup berkorban nyawa untuk negara”

(Guru sekolah gred A: bukan opsyen sejarah)

Kebanggaan kepada negara juga dilihat dan difahami sebagai satu ciri patriotisme. Sayang kepada diri sendiri, keluarga dan negara membolehkan pelajar bangga kepada negaranya. Mereka berbangga menyanyikan lagu negara, mengibarkan jalur gemilang serta apa jua yang boleh menggambarkan negara Malaysia. Mereka juga tahu dan bangga dengan pejuang-pejuang negara yang telah membawa negara ke arah kemerdekaan.

Kajian juga mendapati patriotisme difahami sebagai keyakinan mendalam pelajar kepada negara. Responden menganggap patriotisme membolehkan pelajar yakin akan kejayaan negara. Keyakinan terhadap pembangunan dan kemajuan negara juga semakin berkembang selari dengan pengukuhan patriotisme pelajar. Keyakinan inilah yang membolehkan pelajar sedar tentang semangat jati diri mereka bahawa mereka adalah anak Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.

Perspektif berbakti dan berusaha juga dilihat sebagai salah satu ciri patriotisme pada pandangan responden. Cinta kepada negara bermakna rakyat dapat berbakti kepada negara tanpa rasa berbelah bagi. Mereka berkata bahawa kalau dah cinta, rakyat sanggup berkorban apa saja malah sanggup bergadai nyawa agar negara tidak dicerobohi oleh apa jua anasir luar.

Wujudnya perpaduan di Malaysia dianggap sebagai satu implikasi dari pemupukan patriotisme oleh ramai responden. Semangat kekitaan, semangat rasa sepunya negara membolehkan pelajar sayangkan negara.

Negara Malaysia yang berbilang kaum memerlukan warganegara yang mempunyai rasa sepunya dan rasa kekitaan bagi membolehkan mereka membangun dan memajukan negara.

### **Pemahaman Konsep Pemupukan Patriotisme**

Untuk maksud pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran, dapatan soal selidik menunjukkan seramai sejumlah besar responden tidak mempunyai masalah memahami konsep pemupukan patriotisme (sila rujuk kepada Jadual 2). Seramai seratus empat puluh satu orang tidak bermasalah untuk memahaminya berbanding dengan hanya empat puluh tujuh orang (16.3%) yang bermasalah untuk memahaminya.

Jadual 2

#### **Pemahaman Konsep Pemupukan Patriotisme**

Item	Bermasalah	Kurang bermasalah	Tidak bermasalah	Jumlah
Pemahaman konsep pemupukan patriotisme	16.3%	34.5%	49.1%	100%
Jumlah	47	99	141	287

Menjelaskan pemahaman pemupukan patriotisme, hasil temu bual mendapati hampir semua responden sependapat pemupukan bermaksud menerap dan memasukkan nilai-nilai dan semangat patriotisme kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Mereka menganggap pemupukan boleh dibuat secara langsung melalui perkataan-perkataan yang digunakan semasa proses pengajaran berlangsung atau percakapan cikgu. Pemilihan kata-kata yang mampu memberangsangkan semangat patriotisme pelajar juga dilihat sebagai cara pemupukan patriotisme.

### **2. Apakah amalan guru Sejarah dalam pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah?**

Amalan-amalan guru dalam pemupukan patriotisme dapat diuraikan berdasarkan dua peringkat pengajaran dan pembelajaran Sejarah iaitu peringkat perancangan dan pelaksanaan. Walau bagaimanapun analisis akan menjurus kepada objektif patriotisme yang hendak dipupuk, kaedah pemupukan dan bahan yang digunakan untuk pemupukan. Di peringkat perancangan, data soal selidik dianalisis untuk melihat bagaimana responden merancang aktiviti pengajaran mereka. Di samping itu, buku persediaan mengajar harian guru juga dianalisis bagi mengukuhkan

dapatan soal selidik. Di peringkat pelaksanaan, pengkaji menganalisis dapatan pemerhatian yang dibuat bagi melihat apakah aspek yang dirancang telah dilaksanakan dalam bilik darjah. Jika wujud perbandingan dapatan, pengkaji akan menghalusinya dengan temu bual kepada responden yang berkaitan. Tajuk pengajaran yang diajar oleh responden terdiri dari Tema 1 iaitu Zaman Prasejarah dan keagungan Kesultanan Melayu Melaka.

## **Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pemupukan Patriotisme**

### **Pemilihan Objektif Patriotisme**

Dalam memilih dan menentukan objektif pembelajaran yang berkaitan dengan patriotisme, kajian mendapati sebahagian besar responden tidak bermasalah besar untuk memilih objektif patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

### **Pemilihan Objektif Patriotisme Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Pemilihan objektif	Bermasalah	Kurang bermasalah	Tidak bermasalah	Jumlah
Memilih pengetahuan yang relevan dengan pemupukan patriotisme	28 (9.8)	93 (32.4)	166 (57.8)	287
Membina sentimen-sentimen positif berkaitan dengan patriotisme	28 (9.8)	100 (34.8)	159 (55.4)	287
Memilih pengalaman pembelajaran yang berkesan dalam mengembangkan unsur patriotisme	33 (11.5)	99 (34.5)	155 (54.0)	287
Menentukan objektif pembelajaran berkaitan dengan patriotisme dapat dicapai dengan berkesan	45 (15.6)	94 (32.8)	148 (51.6)	287
Membina kemahiran berfikir berlandaskan patriotisme	42 (14.6)	112 (39.0)	133 (46.4)	287
Menentukan setakatmana matlamat dan objektif pembelajaran berkaitan dengan patriotisme telah dicapai oleh pelajar	60 (20.9)	114 (39.7)	113 (39.4)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan



Walau pun peratusan yang ditunjukkan oleh soal selidik ini masih menggambarkan responden tidak bermasalah untuk memilih objektif patriotisme tetapi dalam beberapa objektif tertentu responden masih mempunyai masalah untuk memilihnya dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran. Memilih objektif menentukan setakat mana matlamat dan objektif pembelajaran berkaitan dengan patriotisme telah dicapai oleh pelajar (39.4%) dan membina kemahiran berfikir berlandaskan patriotisme (46.4%) merupakan masalah kepada responden.

Data soal selidik di atas disokong oleh analisis Buku Persediaan Mengajar Harian responden. Kajian mendapati kebanyakan responden menggunakan objektif yang telah dimuatkan dalam HSP untuk dijadikan objektif pengajaran dan pembelajaran mereka tetapi hanya menggunakan objektif atau jangkaan hasil pembelajaran pada Aras 1 dan 2 sahaja. Hanya seorang responden sahaja yang diperhatikan cuba mendapatkan hasil pembelajaran pada Aras 3 seperti mana yang termaktub dalam HSP Sejarah Tingkatan Satu.

### **Pemilihan Kaedah Pemupukan Patriotisme**

Soal selidik mendapati kebanyakan responden tidak mempunyai masalah untuk memilih kaedah pemupukan patriotisme bagi mengaitkan patriotisme yang ditekankan dalam sukatan pelajaran dalam kehidupan sebenar pelajar (61.3%) dan menjelas dan menghuraikan konsep patriotisme kepada pelajar (56.5%). Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan pemilihan untuk mempelbagaikan kaedah yang sesuai dalam memupuk patriotisme dan melaksanakan dengan berkesan unsur yang perlu dipupuk seperti yang digariskan dalam sukatan pelajaran masih menjadi masalah kepada responden. Responden juga didapati bermasalah untuk merancang aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar secara aktif dalam proses memupuk patriotisme. Secara umum dapatan kajian ini mendapati responden menghadapi masalah untuk memilih kaedah pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

### **Pemilihan Kaedah Pemupukan Patriotisme**

Pemilihan Kaedah Pemupukan Patriotisme	Bermasalah	Kurang bermasalah	Tidak bermasalah	Jumlah
Mengaitkan patriotisme yang ditekankan sukatan pelajaran dalam kehidupan sebenar pelajar	23 (8.0)	88 (36.6)	176 (61.3)	287
Menjelas dan menghuraikan konsep patriotisme kepada pelajar	29 (10.1)	96 (33.4)	162 (56.5)	287

Melaksanakan dengan berkesan unsur yang perlu dipupuk seperti yang digariskan dalam sukatan pelajaran	66 (16.0)	113 (39.4)	128 (43.6)	287
Mempelbagaikan kaedah yang sesuai dalam memupuk patriotisme	60 (20.9)	102 (35.5)	125 (43.6)	287
Menggunakan kaedah yang berkesan dalam memupuk patriotisme	55 (19.1)	113 (39.4)	119 (41.4)	287
Memilih dan menggunakan strategi pengajaran yang kreatif dan inovatif untuk memupuk patriotisme	44 (15.3)	125 (43.6)	118 (41.1)	287
Merancang aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar secara aktif dalam proses memupuk patriotisme	60 (20.9)	114 (20.9)	113 (39.4)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

Hasil analisis dari Buku Persediaan Mengajar dan temu bual sebelum pengajaran menyokong dapatan di atas kerana hampir semua daripada mereka tidak menulis kaedah yang dicadangkan dalam HSP. Bila diajukan soalan kenapa kaedah yang dicadangkan dalam HSP tidak digunakan, mereka mendakwa keadaan pelajar, kesesuaian tajuk, masa pengajaran dan pengalaman guru mempengaruhi mereka memilih kaedah yang difikirkan sesuai.

### **Pemilihan Bahan Bantu Mengajar Untuk Pemupukan Patriotisme**

Dapatan soal selidik menunjukkan responden kurang bermasalah untuk menggunakan buku teks dan Buku Panduan Guru (BPG) sebagai bahan sokongan utama yang boleh membantu mereka meningkatkan proses penghayatan dan pembelajaran reflektif patriotisme (melebihi 50%). Ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Buku teks dan BPG menjadi bahan bantu utama yang boleh membantu mereka untuk memupuk patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan mereka bermasalah untuk memilih bahan-bahan pembelajaran yang sesuai dan menarik bagi memupuk patriotisme di samping sukar untuk memilih bahan-bahan yang relevan untuk sesuatu tajuk berkaitan dengan pemupukan. Responden amat bermasalah untuk menggunakan bahan-bahan daripada laman web dan internet untuk merangsang pembelajaran pelajar berkaitan dengan patriotisme.

Analisis daripada Buku Persediaan Mengajar dan temu bual sebelum P&P bermula, menunjukkan memang buku teks menjadi bahan bantu utama dalam proses pemupukan patriotisme. Dalam hampir semua tajuk yang diajar, responden memilih buku teks sebagai bahan bantu utama. Bahan-

bahan daripada laman web dan internet langsung tiada dalam perancangan responden sewaktu merancang pengajaran dan pembelajaran mereka.

Jadual 5

Pemilihan Bahan Bantu Untuk Pemupukan Patriotisme

Pemilihan bahan bantu	Bermasalah	Kurang bermasalah	Tidak bermasalah	Jumlah
Menggunakan BPG yang dibekalkan dengan berkesan terutama mengenai pemupukan	34 (11.8)	95 (33.1)	158 (55.1)	287
Meningkatkan proses penghayatan dan pembelajaran reflektif dari pengalaman yang disediakan dalam buku teks	31 (10.8)	105 (36.6)	151 (52.6)	287
Memilih bahan-bahan pembelajaran yang sesuai dan menarik	48 (16.7)	105 (36.6)	134 (46.7)	287
Memilih dan mendapatkan bahan-bahan yang relevan untuk sesuatu tajuk berkaitan dengan pemupukan patriotisme	63 (21.9)	114 (39.4)	128 (43.6)	287
Menggunakan bahan-bahan daripada laman web dan internet untuk merangsang pembelajaran pelajar berkaitan dengan patriotisme	108 (37.6)	106 (36.9)	73 (25.4)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

**Pelaksanaan Pemupukan Patriotisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Pemerhatian pengajaran ke atas sembilan orang guru Sejarah Tingkatan Satu telah dibuat dengan empat pemerhatian setiap orang bagi tujuan ketekalan data. Pemerhatian telah direkodkan menggunakan video rakaman dengan persetujuan responden. Pemerhatian adalah berdasarkan tajuk-tajuk pengajaran yang ditentukan dalam HSP.

**Objektif Patriotisme Yang Di Pupuk dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Pemerhatian yang dijalankan mendapati bahawa terdapat perbezaan ketara dalam objektif yang telah dirancang dan apa yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Catatan pemerhatian bagi tajuk Kerajaan Awal di Asia Tenggara dapat dilihat pada Jadual 6.

## Jadual 6

### Pemupukan Unsur Patriotisme Dalam Tajuk Kerajaan Awal di Asia Tenggara

Tajuk	Objektif Patriotisme Yang di rancang	Objektif Patriotisme yang dilaksanakan
Kerajaan Awal di Asia Tenggara	Berbangga dengan warisan negara	Tanggungjawab pemimpin
	Bekerja keras dan yakin diri	Kegigihan untuk menjayakan ekonomi
	Kemegahan terhdap tamadun awal	
	Menghargai sumbangan tamadun awal kita	Kerjasama
	Gigih berusaha untuk menjadi masyarakat yang berguna	Sayangkan negara dan sekolah
	Kerjasama	Bangga kepada negara
	Menghargai sumbangan tokoh tamadun awal	Keamanan, kesetiaan
	Kegigihan masyarakat	Perpaduan
	Kepatuhan kepada pemimpin	Kegigihan semangat juang
	Bersyukur dengan kemudahan yang ada	Kepatuhan kepada pemimpin
Bangga dengan kemudahan yang ada		

#### **Kaedah Pemupukan Patriotisme Dalam Pengajaran Sejarah**

Dapatan pemerhatian menunjukkan responden lebih selesa menggunakan bahagian akhir pengajaran untuk memupuk patriotisme. Kaedah penerangan guru dan soal jawab juga sering kali digunakan untuk memupuk patriotisme di samping kaedah kerja kumpulan dan inkuiri. Kajian ini mendapati kaedah lain tidak digunakan langsung.

#### **Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pemupukan Patriotisme**

Pemerhatian menunjukkan semua responden bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai bahan bantu mengajar utama. Bahan audio visual seperti video atau radio serta internet langsung tidak digunakan.

#### **3. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemupukan Patriotisme Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah**

Kajian mendapati terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Faktor tersebut ialah faktor guru, pelajar, bahan bantu dan pentadbiran.

## Faktor guru

Data dari soal selidik menunjukkan sebahagian besar responden (55.7%) tidak berpeluang untuk menghadiri kursus khusus untuk memupuk patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kalau ada pun kursus-kursus ini lebih bersifat kursus dalaman yang disediakan oleh pihak sekolah sahaja (16.4%).

### Jadual 7

#### Pendedahan Pemupukan Patriotisme Dalam Pendidikan Sejarah

Pendedahan kursus	Kekerapan	Peratusan
Tiada kursus	160	55.7
Jabatan Pendidikan	43	15.0
Pusat perkembangan kurikulum	33	11.5
Institusi luar	4	1.4
Kursus dalam sekolah	47	16.4
Jumlah	287	100.0

Hanya dua orang responden daripada 10 yang ditemu bual pernah menghadiri kursus yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Mereka telah pun membuat kursus dalaman kepada guru-guru lain di sekolah mereka. Dua orang responden lagi mendapat pendedahan di peringkat sekolah (latihan dalaman) dan selebihnya tidak mendapat sebarang pendedahan formal bagaimana memupuk patriotisme dalam pengajaran.

Komitmen dan sikap guru juga mempengaruhi pemupukan patriotisme. Kebanyakan mereka melihat tugas pemupukan patriotisme dalam Pendidikan Sejarah amat penting dan sebahagian besar daripada mereka komited untuk melaksanakan matlamat kurikulum sejarah bagi memupuk patriotisme dalam kalangan pelajar (72.1%). Walau bagaimanapun bila dikemukakan permasalahan yang dihadapi dalam memupuk patriotisme ternyata responden begitu yakin bahawa mereka tidak menghadapi masalah dalam pemupukannya. Ini menunjukkan lagi komitmen dan sikap positif yang dipunyai oleh responden untuk memupuk patriotisme. Mereka yakin untuk melaksanakan patriotisme dalam kurikulum yang disediakan, membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, mampu melibatkan pelajar secara aktif dalam pengajaran, serta yakin dapat mengaitkan patriotisme dalam konteks peristiwa dan perkembangan dalam sejarah. Ini ditunjukkan dalam Jadual 8.

## Jadual 8

### Komitmen Guru Bagi Memupuk Patriotisme Dalam kalangan Pelajar

Item	Sebahagian kecil tidak komited	Sebahagian besar tidak komited langsung	Sebahagian besar tidak komited	Sebahagian besar komited	Jumlah
Guru-guru komited	45 (15.7)	4 (1.4)	31 (10.8)	207 (72.1)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

### Faktor Pelajar

Jadual 9 menunjukkan responden berpendapat hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang berminat pada mata pelajaran Sejarah, iaitu 46.7%. Minat pelajar terhadap mata pelajaran ini dianggap satu kekangan kepada guru untuk memupuk patriotisme dalam bilik darjah. Antara alasan kenapa minat pelajar kurang adalah pelajar sudah menetapkan bahawa Sejarah itu susah untuk dipelajari.

## Jadual 9

### Minat Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Item	Kebanyakan tidak berminat	Sebahagian kecil berminat	Sebahagian besar berminat	Keseleuruhan sangat berminat	Jumlah
Minat Pelajar	58 (20.2)	134 (46.7)	90 (31.4)	5 (1.7)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

Faktor pelajar juga dilihat dari kurangnya kebolehan membaca dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 sehingga pemupukan patriotisme sukar diaplikasikan dan menyebabkan mereka sukar memahami Sejarah.

Dari segi kualiti yang dimiliki oleh pelajar, data soal selidik mendapati kebanyakan responden berpendapat bahawa kualiti berbangga sebagai rakyat Malaysia dan bersemangat setia negara dalam kalangan pelajar mereka amat baik sekali. Walau bagaimanapun kualiti berdisiplin dan berusaha dan produktif dianggap kurang memuaskan dalam kalangan pelajar mereka. Jadual 10 menunjukkan pandangan responden terhadap kualiti-kualiti patriotisme dalam kalangan pelajar di sekolah mereka.

## Jadual 10

### Kualiti Patriotisme Yang Dimiliki Oleh Pelajar

Item	Lemah	Tidak Memuaskan	Baik	Jumlah
Berbangga sebagai rakyat Malaysia	19 (6.9)	51 (17.5)	217 (75.6)	287
Berseemangat setia negara	20 (6.9)	56 (19.5)	211 (73.5)	287
Berseemangat kekitaan	14 (4.8)	92 (32.1)	181 (63.1)	287
Berdisiplin	32 (11.1)	111 (38.7)	144 (50.1)	287
Berusaha dan Produktif	37 (12.8)	128 (44.6)	122 (42.5)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

### Faktor Bahan Bantu

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahan bantu yang disediakan oleh pihak Kementerian, sekolah serta guru-guru sendiri menyokong atau membantu proses pemupukan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Jadual 11 menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa buku teks amat membantu dan memudahkan mereka memupuk unsur-unsur patriotisme dalam setiap tajuk dan tema yang diajar (82.9%). Buku Panduan Guru yang dibekalkan oleh pihak kementerian juga dirasakan amat membantu mereka dalam pemupukan patriotisme.

## Jadual 11

### Penggunaan Buku Teks dan BPG dalam P&P Sejarah

Bahan Bantu	Membantu	Kurang membantu	Tidak membantu	Jumlah
Buku Teks	238 (82.9)	44 (15.3)	5 (1.7)	287
BPG	235 (81.9)	43 (15.0)	9 (3.1)	287

Nota. Peratusan adalah dalam kurungan

Pemerhatian pengajaran guru menunjukkan buku teks telah digunakan sebagai bahan pembelajaran yang wajibkan dalam kelas. Dalam hampir semua pemerhatian yang dijalankan, guru meminta pelajar membawa buku teks setiap kali kelas berlangsung. Pelajar akan membuka buku teks kepada muka surat yang sesuai dengan tajuk yang diajar.

Dapatan soal selidik menunjukkan guru amat bermasalah dalam penggunaan ICT dan internet dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini disokong oleh dapatan temu bual dan pemerhatian di mana kebanyakan responden langsung tidak menggunakan internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiada seorang pun dari responden pernah cuba melayari alamat-alamat internet yang diberikan dalam buku teks. Banyak sebab diberikan bagi menyatakan masalah ini. Antaranya ialah mereka kurang pasti sama ada sekolah mempunyai kemudahan internet atau tidak.

### **Faktor Pentadbiran**

Temu bual dan pemerhatian menjelaskan ada usaha pihak pentadbir sekolah untuk memupuk patriotisme dalam kalangan pelajar. Merayakan bulan kemerdekaan adalah satu kemestian. Sepanjang bulan berkenaan, banyak program telah dilaksanakan. Hampir semua responden menyatakan bahawa sepanjang bulan kemerdekaan pelbagai aktiviti dijalankan seperti kempen mengibar bendera, minggu perpaduan, kuiz kenegaraan, peraduan mencipta kata-kata yang memberi kebanggaan kepada negara dan aktiviti yang menjurus kepada penghayatan sejarah. Usaha ini menurut kebanyakan responden mendapat galakan dan sokongan sepenuhnya dari pihak pentadbir.

Antara kekangan yang dihadapi oleh responden ialah kekurangan komunikasi dari pihak kementerian dengan sekolah. Sebarang perubahan yang melibatkan kurikulum agak lambat diterima. Kejadian ini mungkin berpunca dari pihak pentadbir sekolah atau pun di peringkat panitia. Responden berharap mereka segera dimaklumkan tentang segala perubahan dan diberi peluang bersama dalam sebarang keputusan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

## **RUMUSAN**

Kurikulum sekolah dianggap sebagai arah pandu dan propaganda kerajaan untuk kekuatan sosial dan ekonomi. Usaha penggubal Kurikulum Sejarah Tingkatan Satu untuk memberi penekanan kepada usaha pemupukan patriotisme jelas kelihatan dalam kajian ini. Patriotisme patut diluaskan pemahamannya mencakupi sayangkan dunia khususnya dalam era globalisasi kini. Cabaran globalisasi menuntut agar negara membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri K-workers, celik dan mahir dalam ICT, mampu bersaing pada peringkat tempatan dan peringkat global, bahkan memiliki jati diri dan daya saing yang tinggi.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah menuntut guru untuk mempelbagaikan kaedah dan aktiviti pengajaran mereka. Usaha pemupukan patriotisme dalam kalangan pelajar memerlukan kerjasama semua pihak, kerajaan, penggubal dasar, guru sebagai pelaksana,



pentadbir sekolah serta pelajar sendiri. Ini di sebabkan KPM berhasrat untuk membangunkan warganegara dengan ciri-ciri global, patriotik dan cintakan negara serta menyanjung dan menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa.

## RUJUKAN

- Anuar Ahmad. (2001). Warganegara Patriotik, Masyarakat Sivil dan Pendidikan Sejarah. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: 8-12 Oktober.
- Awang Had Salleh. (1983). Pendidikan dan Nasionalisme: Penentuan Konsep dan Pencerobohan Strategi. *Konvensyen Pendidikan ke 8*. Tanjung Malim.
- Biro Tatanegara. (1991). *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Chai Hon Chai. (1977). *Education and Nation Building in Plural Societies: The West Malaysian Experience*. Canberra: The Australian National University.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design. Qualitative & Quantitative Approaches*. U.S.A: Sage Publications, Inc.
- Davies, I. (1995). 'Teaching and Learning about interpretation of the recent European past for the purposes of developing European citizenship'. *Teaching History*. 81. pp 26-31.
- Kelman, H. C., (1997). Nationalism, Patriotism and National Identity: Social-Psychological Dimension. In Bar-Tal and Staub (eds) *Patriotism: In the lives of Individuals and Nations*. Chicago: Nelson-Hall Publisher.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1995). *Amalan-amalan Ke arah Perpaduan Kaum di enam buah Sekolah Kes*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Kuala Lumpur.
- Lee, M. N. N. (2002). Teacher Education in Malaysia: Current Issues & Future Prospects. In *Teacher Education* (ed). London, USA: Kogan Page Ltd.
- Loh Kok Wah, F., & Khoo Boo Teik. (2002). *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices* (eds). Nordic Institute of Asia Studies. Richmond Surrey: Curzon Press.
- Malaysia. (2001). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke Tiga (2001-2010)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Putman, D. E. (1998). *Teaching About Patriotism: An Assessment Of Teacher Attitudes And Classroom Practices*, Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan. University Of Tennessee.
- Tan Ai Hoon. (1998). *Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah Rendah (KBSM): Satu Kajian Terhadap Pemikiran Guru Mengenai Hasrat dan Pelaksanaannya*. Thesis Sarjana yang tidak diterbitkan. USM.

- UKM. (1989). *The Process Of National Integration In the Education Setting*.  
Bangi: Fakulti Pendidikan. UKM.
- Zainal Abidin Ahmad. (1980). *Educational Reform and Ethnic Response: A  
History Study of The Development of a National System Education  
In West Malaysia*. Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan.